



ASRAMA RAYA SDN BHD

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
KELUAR MASUK KONSESI
HUTAN SIMPAN (HS) PETUANG
ASRAMA RAYA SDN BHD

AR/SOP 16/Entry and Exit the ARSB HS Petuang Concession/V1	
Prepared by  Name: Mohd Hakimi bin Abu Hassan Position: Assistant Forest Manager Date: 17.12.2020	Approved by  Name: Chan Kim Men Position: Forest Manager Date: 17.12.2020
Version No.	1
Approval Date	17 December 2020

CONFIRMED

17 DEC 2020

ASRAMA RAYA SDN BHD

PROSEDUR KERJA SELAMAT (SOP) (KELUAR MASUK KONSESI HUTAN ARSB) 1 DISEMBER 2020

A) PERATURAN-PERATURAN AM

1. Orang awam di larang memasuki kawasan operasi (Konsesi/Betau Balak) kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak syarikat atau Jabatan Perhutanan atau diiringi oleh wakil syarikat / Jabatan Perhutanan berkenaan.
2. Kenderaan awam tidak dibenarkan memasuki kawasan operasi kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak Pengurus Syarikat atau wakil kecuali kenderaan Jabatan Perhutanan atau agensi yang berkaitan.
3. Kenderaan awam yang memasuki kawasan operasi dikehendaki mematuhi peraturan had laju (30KM/Jam) dan laluan yang ditetapkan oleh syarikat.
4. Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah dilarang memasuki kawasan operasi tanpa penjaga yang terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada syarikat atau wakil.
5. Setiap orang dikehendaki memakai peralatan keselamatan setiap kali memasuki kawasan operasi.
6. Bagi pelawat atau orang awam yang diberi kebenaran dikehendaki memakai kad/ membawa permit kebenaran masuk sebagai pelawat.
7. Pengendalian sebarang alatan, mesin atau jentera hendaklah terhad kepada orang yang berkelayakan sahaja.
8. Sebarang perlakuan yang menyebabkan pencemaran di kawasan operasi adalah dilarang sama sekali.
9. Sebarang tindakan yang boleh menyebabkan kerosakan kepada hutan dan persekitaran adalah ditegah.
10. Kongsi pekerja merupakan tempat tinggal sementara atau "site office" bagi pekerja hutan. Menjaga kebersihan kongsi adalah tanggungjawab setiap penghuninya. Kemaskan dan bersihkan setiap kali perlu.
11. Sesiapa pun tidak dibenarkan membawa sebarang jenis dadah, arak dan segala jenis senjata yang merbahaya ke kongsi pekerja kecuali peralatan kerja.
12. Gunakan alatan yang betul untuk kerja-kerja tertentu. Penggunaan alatan yang salah atau yang telah rosak boleh menyebabkan kemalangan dan pekerjaan yang tidak sempurna dan akhirnya merugikan syarikat.
13. Mesin-mesin, jentera-jentera atau alatan mestilah dikendalikan dengan betul dan baik. Laporkan kepada Ketua / Kepala Hutan jika ada mesin, jentera atau alatan yang dibekalkan telah rosak atau tidak berfungsi seperti biasa. Jangan cuba membaiki sendiri peralatan rosak sekiranya tiada kemahiran dalam pembaikan peralatan tersebut.
14. Setiap mesin, jentera dan alatan hendaklah dilakukan semakan berkala (routine checking) untuk memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Semakan terakhir hendaklah dibuat sebelum memulakan sesuatu pekerjaan.
15. Laporkan segala kemalangan, nyaris kemalangan, kecederaan dan kesakitan kepada pihak Pengurusan secara lisan atau menggunakan borang Laporan Kemalangan yang disediakan.
16. Semua orang mestilah memahami segala papan tanda amaran dan arahan serta mematuhi pada setiap masa sepanjang berada di dalam kawasan operasi.

17. Alat-alat keselamatan dan kecemasan hendaklah dipastikan berfungsi pada setiap masa. Peraturan keselamatan dan kaedah kerja yang betul hendaklah sentiasa dipatuhi sepanjang masa.
18. Setiap kongsi pekerja hendaklah dilengkapi dengan kemudahan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja serta peti pertolongan cemas (First Aid Kit) yang sesuai dengan saiz kongsi.
19. Sesiapa juga yang lebih arif hendaklah melarang atau menghentikan apa-apa aktiviti dan amalan-amalan yang tidak selamat.
20. Kawasan konsesi adalah luas dan terpencil. Elakkan daripada bekerja bersendirian. Kerja berpasukan dapat mengelakkan atau mengurangkan risiko kemalangan.

B) KESELAMATAN KELUAR MASUK KAWASAN KONSESI

I) Bagi pekerja, kakitangan syarikat, Jabatan berkaitan.

- a. Keluar masuk hanyalah menggunakan kenderaan syarikat sahaja. Penumpang yang tidak mendapat kelulusan tidak dibenarkan keluar masuk menggunakan kenderaan syarikat.
- b. Keluar / masuk menggunakan kenderaan lain dibenarkan setelah mendapat kebenaran daripada Pengurus Syarikat atau wakil.
- c. Pegawai-pegawai daripada jabatan berkaitan dan yang mempunyai urusan adalah dibenarkan keluar masuk pada bila-bila masa atas urusan rasmi jabatan.

II) Bagi Pekerja Kontrak / Kontraktor

- a. Hanya pekerja yang bekerja dengan kontraktor yang dilantik oleh syarikat sahaja dibenarkan keluar masuk kawasan konsesi.
- b. Setiap pekerja hendaklah terlebih dahulu mendapatkan sub lesen/surat pengesahan sebagai pekerja kawasan operasi tersebut atau pekerja yang dilantik oleh syarikat untuk kerja-kerja pembangunan hutan dibenarkan masuk ke kawasan konsesi.
- c. Setiap jentera, mesin, alatan atau kenderaan yang hendak dibawa masuk ke kawasan oleh kontraktor hendaklah terlebih dahulu mendaftar/dilaporkan untuk mendapat kebenaran kepada pihak syarikat sebelum digunakan.
- d. Pihak syarikat berhak untuk mengusir keluar sesiapa atau apa juga peralatan atau jentera yang digunakan tanpa kebenaran daripada syarikat.
- e. Pihak kontraktor/pekerja kontrak adalah dilarang sama sekali daripada membawa masuk barang-barang yang terlarang seperti sebarang senjata api, bahan letupan, racun terlarang, dadah atau apa-apa yang ditetapkan pengharaman oleh pihak berkuasa ke kawasan konsesi.
- f. Pihak pekerja kontrak/kontraktor dilarang membawa keluar sebarang hasil hutan yang tidak diarahkan oleh pengurusan seperti yang dicatat pada kontraknya dengan syarikat.
- g. Kebenaran untuk pekerja kontrak baru yang edaran senarai nama telah dibuat dan sangat diperlukan untuk menjayakan tugas di sesuatu kawasan, namun belum mendapat sub lesen daripada Pejabat Hutan, adalah di atas budibicara Pengurus Syarikat atau wakilnya untuk memberi kebenaran memasuki kawasan atau tidak.

- h. Penjelasan kepada pihak kontraktor terhadap kebenaran memasuki kawasan adalah atas tujuan beroperasi di dalam kawasan / kompartmen yang ditentukan sahaja bukan tugas lain seperti memburu, menangkap ikan dan lain-lain sekiranya terdapat salah laku ini, syarikat berhak mengambil tindakan yang perlu dan sebarang komplikasi yang timbul akibat daripadanya akan bertanggung di atasnya sendiri.
- i. Setiap pekerja kontrak hendaklah dibekalkan dengan PPE (Personal Protective Equipment) yang lengkap sebelum memulakan tugas di lapangan.
- j. Pekerja kontrak dikehendaki mematuhi sebarang kod tatacara yang ditentukan oleh syarikat (jika ada) dari masa ke semasa sepanjang tempoh kontraknya berkuatkuasa.

III) Keluar Masuk Pelawat


- a. Setiap pelawat dikehendaki mendapat kebenaran daripada Pengurus Syarikat atau wakilnya terlebih dahulu sebelum memasuki kawasan konsesi untuk sebarang jenis tujuan.
- b. Pelawat tidak dibenarkan merayau di kawasan operasi tanpa kawalan kakitangan/pekerja syarikat.
- c. Pelawat tidak dibenarkan mengambil sebarang hasil hutan dari mana-mana bahagian hutan di dalam konsesi syarikat.
- d. Sekiranya, pelawat mengguna kenderaan sendiri, pihak syarikat berhak memeriksa kenderaan semasa keluar dan masuk kawasan konsesi.
- e. Kenderaan pelawat hendaklah diekori dengan kenderaan syarikat atau seorang wakil syarikat perlu berada bersama di dalam kenderaan pelawat.
- f. Pelawat dikehendaki berada tidak terlalu hampir dengan kawasan konsesi.
- g. Pelawat tidak berhak mengganggu atau menegur pekerja yang sedang bekerja.
- h. Pelawat dinasihati supaya berpakaian sesuai dan memakai PPE dan alat pengenalan diri yang dibekalkan.
- i. Pelawat perlu mendapat kebenaran sebelum merakamkan sesuatu semasa di hutan konsesi syarikat dan mematuhi sebarang tatacara yang ditetapkan oleh syarikat sepanjang berada di konsesi.

IV) Kenderaan Keluar Masuk Kawasan Konsesi

- a. Setiap kenderaan yang dibawa masuk ke kawasan konsesi harus mendapat kebenaran daripada Pengurus Syarikat atau permit masuk daripada Jabatan Perhutanan Negeri.
- b. Setiap pemandu bertanggungjawab memastikan kenderaan yang dibawa masuk telah diperiksa dan diselenggara terlebih dahulu sebelum memasuki kawasan konsesi. Pemandu diwajibkan mempunyai lesen pemanduan yang sah.
- c. Kenderaan yang dibawa perlu bersesuaian yakni seperti kenderaan pacuan 4 roda, lori dan jentera.
- d. Kenderaan yang menjadi kebiasaan dibawa masuk adalah jenis pacuan 4 roda. Setiap pemilik atau pemandu menjadi tanggungjawab memastikan kenderaannya diperiksa sebelum dibawa masuk kawasan konsesi dan diselenggara secara berkala terlebih dahulu perkara-perkara asas seperti di bawah :
 - a. Enjin

- b. Minyak enjin
- c. Kotak gear
- d. Tayar
- e. Bateri
- f. Sistem brake
- g. Cluth
- h. Lampu hadapan dan belakang

Disediakan Oleh :




Setiausaha,

Komiti Keselamatan & Kesihatan Pekerja ARSB

Tarikh : 17/12/2020

Diluluskan Oleh :



Pengerusi,

Komiti Keselamatan & Kesihatan Pekerja ARSB

Tarikh : 17/12/2020

Salinan edaran kepada:

Pengurus Syarikat/Kontraktor,
Jalur Bangsa Sdn Bhd
Kuala Terengganu.